

Warga emas rogol anak dihukum

Kena penjara 30 tahun, 20 sebatan jadikan anak OKU mangsa nafsu

NIK SHEILA ERINI CHE MAT KAMEL

KOTA BHARU – "Tiada perbuatan yang boleh saya gambarkan betapa hina dan jijiknya perbuatan kamu yang sanggup merogol anak sendiri," demikian kata Hakim Zainal L.Salleh terhadap seorang warga emas berusia 58 tahun di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Menurut Zainal, hukuman yang akan dikenakan ini hanyalah hukuman dunia, namun tertuduh pasti akan berdepan dengan satu lagi hukuman yang akan diterima di akhirat nanti.

Warga emas berkenaan dikenakan hukuman penjara 30 tahun dan 20 sebatan atas dua pertuduhan yang dihadapi selepas didapati bersalah merogol anak kandungnya.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh didapati bersalah melakukan persetubuhan dengan anak perempuannya berusia 20 tahun yang mana perhubungan itu adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang atau hukum yang terpakai terhadap tertuduh untuk berkahwin dengan anaknya itu.

Tertuduh didapati melakukan perbuatan terkutuk itu pada 8 Februari lalu

di rumahnya di Pasir Puteh antara jam 9 hingga 9.20 malam.

Menurut pertuduhan kedua pula, tertuduh didapati melakukan perbuatan yang sama terhadap anaknya yang juga orang kelainan upaya (OKU) pada kesokannya iaitu 9 Februari antara jam 12 hingga 12.30 tengah hari.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan dua kesalahan di bawah Subseksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak kurang dari lapan tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan dikenakan sebat tidak kurang dari 10 sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nooriah Osman kemudiannya memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh disebabkan kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan serius.

"Walaupun tertuduh dalam kes ini membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dihadapi, namun mahkamah perlu mengambil kira kepentingan awam diluar sana berbanding kepentingan tertuduh.

"Tertuduh sepatutnya memberi perlindungan kepada mangsa, tetapi ter-


tuduh telah mencemari kepercayaan dan ikatan kekeluargaan yang diberikan kepadanya,"katanya.

Hakim Zainal kemudiannya menyatakan bahawa pengakuan bersalah yang dibuat tertuduh tidak memberikan kesan kepadanya untuk meringankan hukuman terhadap warga emas, itu memandangkan perbuatan yang dilakukan merupakan satu kesalahan serius dan menjijikkan.

"Hukuman yang saya jatuhkan ini adalah sebagai pengajaran kepada kamu dan anggota masyarakat yang lain supaya tidak melakukan perbuatan seperti ini.

"Hukuman penjara yang dikenakan adalah sebagai pengajaran untuk kamu mengubah diri dan mengenang kembali kesilapan yang dilakukan serta sebagai orang Islam, inilah masa untuk kamu bertaubat,"katanya.

Zainal seterusnya memutuskan tertuduh dikenakan hukuman penjara 15 tahun dan 10 sebatan bagi pertuduhan pertama dan penjara 15 tahun dan 10 sebatan juga bagi pertuduhan kedua serta hukuman tersebut berjalan secara berturutan selepas tamat menjalani hukuman pertama.



● Tertuduh didapati bersalah merogol anak kandungnya.